

Jaga Adab & Budi Bahasa Di Tempat Kerja

JAGA ADAB & BUDI BAHASA DI TEMPAT KERJA

Elakkan daripada mengeluarkan kata-kata kesat, memaki hamun dan menyinggung perasaan orang lain. Perlakuan tersebut boleh disifatkan sebagai telah:

**"MEMBURUKKAN ATAU MENCEMARKAN NAMA
BADAN BERKANUN"**

dan boleh dikenakan **TINDAKAN TATATERTIB**

Peraturan 3(2)(d) - Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib & Surcaj) 2000 [Akta 605]

#integriti12/2023

Kata orang, budi bahasa dan adab tidak boleh dijual beli. Ia sesuatu yang sangat luhur dan terbit daripada hati sanubari seseorang. Malah, dalam zaman siber ini, budi bahasa bukan sahaja dikenali melalui percakapan tetapi juga cara kita menulis dalam media sosial.

Sikap kita dalam berinteraksi dan berkomunikasi jelas melambangkan peribadi. Adakalanya kita tidak peduli perasaan orang lain apabila kita berkomunikasi, tidak kira secara berdepan atau di media sosial.

Apabila komunikasi tidak berhemah ini terjadi, salah faham akan berlaku, sekali gus boleh mengeruhkan hubungan sesama manusia. Tidak mustahil jika rasa sakit hati boleh bersarang dalam jiwa.

Oleh itu marilah kita Warga MATRADE untuk sentiasa mengamalkan budi bahasa dan adab yang baik dalam berinteraksi dengan orang sekeliling tidak mengira pangkat/ kedudukan atau sesama pegawai baharu atau lama. Tidak rugi berbuat baik sesama manusia dengan mengamalkan nilai-nilai murni serta AVC, kerana kesejahteraan hidup akan membawa keharmonian dalam menjalani kehidupan.